

PERBANDINGAN KEMISKINAN DI DALAM
MASYARAKAT PERTANIAN TRADISIONAL DAN
MASYARAKAT PEKERJA LADANG: SUATU
KAJIAN KES DI MUKIM MACAP,
SIMPANG RENGAM, KLUANG, JOHOR

OLEH

IBRAHIM BIN MOHAMED

ARKIB

rb
fAC895
M22I14

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
PULAU PINANG
1982


UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
FAKULTAS KEMUKJIAN DAN KEMASYARAKATAN
JURUSAN GEOGRAFI

1/2 { PERBANDINGAN KEMISKINAN DI DALAM MASYARAKAT } 5-6mm
PERTANIAN TRADISIONAL DAN MASYARAKAT PEKERJA
LADANG: SUATU KAJIAN KES DI MUKIM MACAP,
SIMPANG RENGAM, KLUANG, JOHOR.

SIMPANG RENGAM, KLUANG, JOHOR

Suatu Kajian untuk mengenal kementerian kawasan
latihan ilmiah, di bahagian Geografi, Fakulti
Pengajian Ilmu Komuniti, Universiti Sains
Malaysia, Pulau Pinang, Sidang Akademik
1981/1982

oleh
Ibrahim bin Mohamed } 1
Universiti Sains Malaysia } 3
Pulau Pinang } 1
1982 } 1



UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
PUSAT PENGAJIAN ILMU KEMANUSIAAN
BAHAGIAN GEOGRAFI

PERBANDINGAN KEMISKINAN DI DALAM MASYARAKAT
PERTANIAN TRADISIONAL DAN MASYARAKAT PEKERJA
LADANG: SUATU KAJIAN KES DI MUKIM MACAP,
SIMPANG RENGAM, KLUANG, JOHOR

Suatu Kajian untuk memenuhi keperluan kursus
Latihan Ilmiah, di Bahagian Geografi, Pusat
Pengkajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains
Malaysia, Pulau Pinang, Sidang Akademik
1981/1982

oleh
Ibrahim bin Mohamed

Penyelia
En. Wan Azmi Ariffin

Universiti Sains Malaysia
Pulau Pinang
1982

PENGHARGAAN

Saya amat terharu budi dan berterima kasih kepada Dr. Mas Anis Griffin yang telah sudi untuk menyelia dan membimbing saya di dalam pengumpulan dan penulisan latihan ilmiah ini. Juga ucapan terima kasih ditujukan kepada Prof. Nadya Hala M. Shabzon Anwar, Iktan Pagar Pengajian Ilmu Komuniti, Universiti Sains Malaysia kerana telah memberikan suatu surat perakuan bagi memudahkan dan melicinkan proses penyelidikan ini. Kepada semua di bawah ini, ingin saya rakamkan ucapan terima kasih juga kerana tanpa pertolongan dan kerjasama mereka, proses penyelidikan dan penulisan ini tidak akan menjadi kenyataan.

1. Penolong Pegawai Daerah Kluang Selatan dan Majlis Daerah Kluang Selatan, Kempong, Kluang.
2. Pengurus dan Pengerusi Pentadbiran, Ladang Penubuhan Plantation Sdn. Bhd., Simpang Rengas, Kluang.
3. En. Mohd. Dinia bin Awi, Penghulu Mukim Kempong, Simpang Rengas, Kluang.

Untuk isteri dan anak ku,
Yang dikasihi.....

Sayang,

Pengorbanan mu selama ini amat ku hargai.....

4. En. Penjar bin Yusoff, Penghulu Mukim Kempong, Simpang Rengas, Kluang.
5. En. Penjar bin Yusoff, Penghulu Mukim Kempong, Simpang Rengas, Kluang.
6. Puan Suzidah bt. Ibrahim, Guru Penolong, Sekolah Kebangsaan Sungai Linau, Simpang Rengas, Kluang.

PENGHARGAAN

Saya amat terhutang budi dan berterima kasih kepada En. Wan Azmi Ariffin yang telah sudi untuk menyelia dan membimbing saya di dalam penyelidikan dan penulisan Latihan Ilmiah ini. Juga ucapan terima kasih ditujukan kepada Prof. Madya Dato Hj. Shahnnon Ahmad, Dekan Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia kerana telah memberikan suatu surat perakuan bagi memudahkan dan melicinkan proses penyelidikan ini. Kepada mereka di bawah ini, ingin saya rakamkan ucapan terima kasih juga kerana tanpa pertolongan dan kerjasama mereka, proses penyelidikan dan penulisan ini tidak akan menjadi kenyataan.

1. Penolong Pegawai Daerah Kluang Selatan dan Majlis Daerah Kluang Selatan, Rengam, Kluang.
2. Pengurus dan Bahagian Pentadbiran, Ladang Peninsula Plantation Sdn. Bhd., Simpang Rengam, Kluang.
3. En. Mohd. Diah bin Awi, Penghulu Mukim Macap, Simpang Rengam, Kluang.
4. Guru-Guru Besar, Sekolah Kebangsaan Sungai Linau dan Sekolah Kebangsaan Seri Macap, Simpang Rengam, Kluang.
5. En. Ponijan bin Marijan, Pengerusi Rancangan Pemulihan Kawasan, Mukim Macap, Simpang Rengam, Kluang.
6. Puan Hamidah bt. Ibrahim, Guru Penolong, Sekolah Kebangsaan Sungai Linau, Simpang Rengam, Kluang.

7. En. Marjuki bin Ariffin, Guru Penolong Sekolah Kebangsaan Layang-Layang, Kluang.
8. En. Ahmad Sani, peniaga runcit di Simpang Rengam, Kluang.
9. Semua ahli-ahli masyarakat setempat yang sempat ditemu ramah semasa proses penyelidikan dijalankan.

Sekian, wassalam.

Ibrahim bin Mohamed

PRAKATA

Dengan Nama Allah yang amat Pemurah
lagi amat mengasihani
=====

Pembukaan ladang-ladang swasta bukanlah fenomena baru di dalam sistem pertanian di Malaysia. Ia telah wujud sejak zaman penjajahan lagi dan merupakan milikan warganegara asing. Tujuan yang popular dalam menarik pelabur-pelabur asing ini ialah untuk pembangunan. Apakah tujuan ini telah tercapai setelah sekian lama ladang-ladang ini wujud? Dengan merujuk kepada Akaun Pendapatan Negara dengan angka-angka KNK (Keluaran Negara Kasar), KDNK (Keluaran Dalam Negara Kasar) dan sebagainya jawapan kepada pertanyaan di atas mungkin 'ya'. Tetapi angka-angka ini tidak mengimplicasikan pembangunan dalam ertikata yang sebenarnya. Apa yang berlaku ialah pertumbuhan ekonomi negara.

Pembangunan adalah merangkumi aspek-aspek sosial dan kebudayaan - bukan semata-mata ekonomi sahaja. Ia haruslah mencerminkan suatu perubahan yang lebih baik dari segi taraf hidup penduduk sesebuah negara. Pada hakikatnya angka-angka berkenaan tidak dapat menunjukkan keadaan taraf hidup penduduk yang sebenar.

Model Pergantungan menyarankan pergantungan sektor Pertanian Moden ini kepada Pasaran Antara Bangsa. Manakala sektor Pertanian Tradisional pula terpaksa bergantung dan bersaing

dengan sektor Pertanian Moden. Akibatnya turun-naik harga barangan berkenaan di Pasaran Antara Bangsa akan memberi suatu imek kepada pendapatan penduduk di dalam kedua-dua sektor. Lebih hebat lagi kehilangan pekerjaan boleh berlaku di kalangan Pekerja Ladang. Persaingan yang dihadapi oleh sektor Pertanian Tradisional ini adalah tidak adil kerana kelebihan sering dipunyai oleh sektor Pertanian Moden di dalam semua aspek seperti modal, teknologi, kepakaran dan sebagainya.

Perbincangan mengenai masalah kekurangan modal, teknologi dan kepakaran di kalangan negara membangun khususnya Malaysia dibuat di dalam Bab I. Bab ini juga akan memberikan tujuan dan objektif, skop, hipotesis dan methodologi penyelidikan ini. Bab II pula akan meninjau secara umum masyarakat-masyarakat di dalam kedua-dua sektor. Bab III akan membentangkan perbandingan data-data utama mengenai angkubah-angkubah yang dikaji di dalam kedua-dua masyarakat. Beberapa kesimpulan juga dibuat selepas hipotesis diuji. Manakala rumusan kajian dan penutup akan dibicarakan di dalam Bab IV.

Saya sedar dan amat maklum bahwa kajian persaorangan sekecil ini adalah amat kekurangan dan banyak kelemahan, tetapi data-data yang dikutip adalah data-data asal dari proses penyelidikan. Sebarang penyelewengan atau 'biasness' seberapa daya cuba dihindari.

Akhirnya saya berharap kajian ini akan dapat memberi keterangan
keterangan berguna untuk mereka yang berminat untuk melihat masalah
kemiskinan penduduk khususnya penduduk luar bandar di Malaysia.

KANDUNGAN		ix-x
SENARAI JADUAL		xi
SENARAI KALAM		xii
SENARAI PETA		xii
SENARAI LAMPIRAN		xii
ABSTREK (BAHASA MALAYSIA)		xiii-xiv
ABSTRACT (BAHASA INGGERIS)		xv-xvi
BAB I	PENGENALAN	1-10
1.1	Pernyataan Permasalahan Usus	1-4
1.2	Tujuan dan Objektif	5-6
1.3	Skop	6-7
1.4	Hipotesis	7-8
1.5	Methodologi	9-10
1.5.1	Mengutip data kedua	9
1.5.2	Persampelan	9
1.5.3	Mengutip data utama	10
1.6	Penutup	10
BAB II	TINJAUAN UMUM MASYARAKAT EKONOMI TUNAI DAN EKONOMI SARA DIRI	11-24
2.0	Pendahuluan	11
2.1	Masyarakat Ekonomi Sara Diri	11-17
2.2	Masyarakat Ekonomi Tunai	18-22
2.3	Perbezaan kedua-dua masyarakat	23-24

<u>KANDUNGAN</u>	halaman
PENGHARGAAN	v
PRAKATA	vi-iix
KANDUNGAN	ix-x
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI PETA	xii
SENARAI LAMPIRAN	xii
ABSTREK (BAHASA MALAYSIA)	xiiv-xiv
ABSTRACT (BAHASA INGGERIS)	xv-xvi
BAB I PENGENALAN	1-10
1.1 Pernyataan Permasalahan Umum	1-4
1.2 Tujuan dan Objektif	5-6
1.3 Skop	6-7
1.4 Hipotesis	7-8
1.5 Methodologi	9-10
1.5.1 Mengutip data kedua	9
1.5.2 Persampelan	9
1.5.3 Mengutip data utama	10
1.6 Penutup	10
BAB II TINJAUAN UMUM MASYARAKAT EKONOMI TUNAI DAN EKONOMI SARA DIRI	11-24
2.0 Pendahuluan	11
2.1 Masyarakat Ekonomi Sara Diri	11-17
2.2 Masyarakat Ekonomi Tunai	18-22
2.3 Perbezaan kedua-dua masyarakat	23-24

BAB III	KAJIAN KES: PERBANDINGAN PROFAIL SOSIO EKONOMI DUA CORAK MASYARAKAT KAJIAN	25-58
3.0	Pendahuluan	25
3.1	Pengenalan Kawasan Kajian	25-28
3.2	Profail Sosio-ekonomi	28-46
3.2.1	Pendapatan dan Perbelanjaan	28-33
3.2.2	Lebihan dan Tabungan	33-38
3.2.3	Gunatenaga dan Demografi	38-42
3.2.4	Pelajaran dan Kemahiran	43-46
3.3	Motivasi dan Tanggapan	46-55
3.3.1	Sebab-sebab Memilih Pekerjaan Sekarang	46-48
3.3.2	Pandangan terhadap Pekerjaan	48-50
3.3.3	Penghijrahan dan Mobiliti	50-54
3.3.4	Cita-Cita Hidup	54-55
3.4	Ujian Hipotesis	55-58
BAB IV	RUMUSAN DAN PENUTUP	59-63
4.0	Pendahuluan	59
4.1	Masyarakat Ekonomi Sara Diri	59-61
4.2	Masyarakat Ekonomi Tunai	61-62
4.3	Penutup	63
	SENARAI BIBLIOGRAFI	64-65
	LAMPIRAN	66-82

SENARAI JADUAL

halaman

Jadual 1	Pendapatan Tunai Keluarga	29
Jadual 2	Perbelanjaan Keluarga	31
Jadual 3	Perbandingan Pendapatan - Perbelanjaan	32
Jadual 4	Masyarakat Ekonomi Sara Diri: Taburan Pendapatan dan Perbelanjaan	36
Jadual 5	Masyarakat Ekonomi Tunai: Taburan Pendapatan dan Perbelanjaan	37
Jadual 6	Taburan Ulangan Isi Rumah	39
Jadual 7	Masyarakat Ekonomi Tunai: Jumlah Isi Rumah Yang Berkerja	41
Jadual 8	Masyarakat Ekonomi Sara Diri: Jumlah Isi Rumah Yang Berkerja	42
Jadual 9	Pelajaran Yang Diperolehi Oleh Ketua-Ketua Keluarga	44
Jadual 10	Sebab-Sebab Memilih Pekerjaan Ini	47
Jadual 11	Jumlah Keluarga Mengikut Tempat Asal	51
Jadual 12	Lama Masa Menetap Di Tempat Sekarang	52
Jadual 13	Rancangan Masa Depan	54
Jadual 14	Ujian Hipotesis: Angkubah-Angkubah Sosio-ekonomi	56
Jadual 15	Ujian Hipotesis: Angkubah-Angkubah Motivasi dan Tanggapan	57

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran A	Borang Soalselidik	68 - 72
Lampiran B	Peta 1	73
Lampiran C	Peta 2	74
Lampiran D	Peta 3	75
Lampiran E	Gambar-Gambar Ladang	76 - 81

SENARAI RAJAH

Rajah 1	Masyarakat Ekonomi Tunai dan Masyarakat Ekonomi Sara Diri: Peratus Menabung dan Tidak Menabung	35
Rajah 2	Masyarakat Ekonomi Sara Diri: Taburan Pendapatan - Perbelanjaan	36
Rajah 3	Masyarakat Ekonomi Tunai: Taburan Pendapatan - Perbelanjaan	37
Rajah 4	Taburan Isi Rumah Mukim Macap	39
Rajah 5	Peratus Anak-Anak Yang Mendapat Pendidikan	43
Rajah 6	Penghijrahan/Mobiliti Penduduk dalam Jangkamasa 10 Tahun	53

SENARAI PETA

Peta 1	Negeri Johor: Daerah-Daerah Di Dalamnya	73
Peta 2	Daerah Kluang: Mukim-Mukim Di Dalamnya	74
Peta 3	Mukim Macap: Lokasi Ladang-Ladang dan Kampung-Kampung	75

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran A	Borang Soalselidik	66 - 72
Lampiran B	Peta 1	73
Lampiran C	Peta 2	74
Lampiran D	Peta 3	75
Lampiran E	Gambar-Gambar Ladang	76 - 82

ABSTREK

Masyarakat Pertanian di Malaysia boleh dikategorikan ke dalam dua sektor - Pertanian Tradisional dan Pertanian Moden. Dualisme yang wujud bukan sahaja pada masyarakat tetapi juga modal, teknologi, kepakaran, pengurusan, buruh, pengeluaran, pendapatan, pasaran, lokasi dan juga pendedahan kepada peluang-peluang dan maklumat serta kemampuan untuk merebut dan menggunakan peluang-peluang dan maklumat ini bagi memajukan perusahaannya.

Masyarakat di dalam Sektor Pertanian Tradisional mempunyai ciri-ciri sosio-ekonomi dan geografikal yang rendah. Tetapi perbelanjaan mereka juga adalah rendah kerana mereka masih mempunyai asas-asas ekonomi lain dan mampu untuk menyediakan sendiri setengah-setengah daripada barang keperluan mereka tanpa melibatkan atau hanya melibatkan pertukaran nilai tunai yang kecil. Akibatnya mereka masih mampu menabung sebahagian dari pendapatan. Oleh itu mereka juga mampu untuk memenuhi tuntutan-tuntutan sosial, budaya dan demografi mereka. Dengan bantuan kerajaan, mereka dapat dan berupaya merebut peluang-peluang untuk memajukan perusahaannya dan sekaligus menambah pendapatan dan tabungan mereka. Ini mungkin berpunca dari faktor bahwa mereka ialah masyarakat tuan punya, pengeluar dan pekerja di dalam industrinya.

Sebaliknya Masyarakat Pekerja Ladang di dalam Sektor Pertanian Moden hanyalah masyarakat pekerja. Gaji mereka

adalah ditentukan oleh Lembaga Pengarah syarikat berkenaan yang beribupejabat di luar negeri berdasarkan harga barangan berkenaan di Pasaran Antara Bangsa. Suatu keanihan yang mungkin boleh dianggap penindasan kepada masyarakat ini ialah apabila harga barangan berkenaan naik, upah tidak selalunya naik. Tetapi sebaliknya bila harga barangan berkenaan turun, upah sekaligus akan turun dan kehilangan pekerjaan mungkin berlaku di kalangan para pekerja ladang. Perbelanjaan mereka adalah besar kerana seratus peratus keperluan terpaksa disediakan melalui pertukaran nilai tunai. Akibatnya tabungan tidak dapat dibuat dan tuntutan tuntutan sosial, budaya dan demografi tidak dapat dipenuhi. Itulah sebabnya perubahan sistem nilai di dalam masyarakat kelihatan mula berlaku di ladang-ladang. Walaupun ada sekurang-kurangnya enam undang-undang yang melindungi nasib para pekerja ladang, tetapi sekaligus undang-undang ini juga melindungi para pengusaha.

Pergantungan Masyarakat Pekerja Ladang kepada majikan dan Pasaran Antara Bangsa adalah pergantungan seratus peratus, sebab mereka sudah tidak mempunyai asas-asas ekonomi selain dari pendapatan tunai itu. Kesan turun naik harga barangan di pasaran Antara Bangsa ini juga dirasakan oleh masyarakat Pertanian Tradisional, tetapi mereka masih mempunyai asas-asas ekonomi lain bukan pergantungan seratus-peratus kepada nilai tunai. Subsidi dari kerajaan menolong mereka. Akhirnya kemiskinan para Pekerja Ladang adalah lebih hebat dan buruk daripada kemiskinan masyarakat Pertanian Tradisional, bukan sahaja dalam bentuk material tetapi juga 'spiritual'.

ABSTRACT

Agricultural Society in Malaysia can be categorise into two sectors - Traditional Agricultural Sector and Modern Agricultural Sector. Dualism which exist not only in the society but also in its Capital, technology, expertise, management, labour production, income, market, location, and exposition to chances and informations and also its ability to capture and use these chances and informations to develop their industries.

The society in Traditional Agricultural Sector, have sosio-economic and geographical characteristics which are low. But their spendings are also low because they still have other economic bases, and are able to supply themselves some of commodities needed, without or with only a little bit of cash exchange. Therefore they still able to fulfill their social, cultural and demographic needs. With the help of the government, they are able and can achive in capturing chances to develop their industries and also making their income and savings better. This may be the result of the factor that they are the owner, the producer and the worker of their industries.

In contrast, the Estates Working Societies in the Modern Agricultural Sector, are only the working society. Their salary are fixed by the Executive Board of the company, which has

its headquarters outside the country, based on the price of the commodity in the International Market. One extra-ordinary aspect that can be regarded as a pressure to the socceity is when the price of the commodity is growing upward, the wages is not usually growing upward. But if the price of the commodity is growing downward, the wages will also growing downward. Their spendings are big because a hundred precent of their needed things must be supplied in terms of cash-exchange. Thefore savings cannot be made and their social, cultural and demographic needs cannot fully fulfill. That is why the value system of the socceity are changing in the estates. Although there are at least six laws which can protect the Estates Workers, but these laws are also protecting the industrialist.

The dependency of the Estates Working Socceity to the owner and the International Market are a hundred percent dependence, because they do not have other economic bases rather than the cash income. The effect of the price fluctuation on the commodity in the International Market is also experienced by the Traditional Agricultural Socceity, btu they still have other economic bases and the dependence is no hundred percent to the cash value. Subsidies from the government are helping them. Lastly the poverty in the Estates Working Socceity are much more worst than that in the Traditional Agricultural Socceity, not only in terms of material but also spiritual.